


**PEKELILING PENGARAH KESIHATAN NEGERI
JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK BIL 3/2010**



**GARISPANDUAN MEMPERKUKUHKAN PROGRAM
SARINGAN KONGENITAL HIPOTIROID KEBANGSAAN**

1. TUJUAN :

Memberi panduan terhadap beberapa tindakan penambahbaikan yang telah dikenalpasti bagi memperkukuhkan Program Saringan Kongenital Hipotiroid Kebangsaan di Negeri Perak.

2. LATAR BELAKANG :

- 2.1 Kejadian Kongenital Hipotiroid jarang berlaku (1 per 3,000 kelahiran) tetapi ia adalah salah satu sebab kecacatan otak di kalangan kanak-kanak yang boleh dielakkan sekiranya dikenalpasti awal.
- 2.2 Program Saringan Kongenital Hipotiroid Kebangsaan telah dimulakan pada tahun 2008. Program ini melibatkan pengambilan darah dari talipusat (*cord blood*) sejurus selepas bayi dilahirkan.
- 2.3 Program saringan ini telah terbukti *cost-effective* dari dua kajian yang dilakukan di Perancis pada tahun 1979.

3. OBJEKTIF

- 1.1 Memperkukuhkan Program Saringan Kongenital Hipotiroid Kebangsaan di Negeri Perak.
- 1.2 Mempertingkatkan peranan dan tanggungjawab koordinator-koordinator di dalam pelaksanaan program ini.
- 1.3 Memperkenalkan retens yang perlu diambil untuk memastikan tiada bayi yang tercicir di dalam program ini.

4. PROSES KERJA

4.1 Sampel

Sampel yang diperlukan bagi ujian saringan adalah darah dari talipusat (*cord blood*). Bagi ujian ulangan, sampel darah vena digunakan.

4.2 Ujian makmal

Ujian yang dijalankan adalah ujian T4 / TSH.

4.3 Makmal yang terlibat

Ujian T4 / TSH dilakukan di Makmal Kesihatan Awam, Jelapang dan 5 buah hospital. Hospital-hospital yang menjalankan ujian ini adalah:

- Hospital Raja Permaisuri Bainun
- Hospital Taiping
- Hospital Sri Manjung
- Hospital Teluk Intan
- Hospital Slim River.